



Majlis Khas rungkai isu Sabah, Sarawak

Kabinet bersetuju menubuhkan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 yang dipengerusikan Perdana Menteri bagi membincangkan isu berkaitan hak Sabah dan Sarawak, termasuk kedudukan kedua-dua negeri sebagai Rakan Sekutu, hak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan Laporan Intergovernmental Committee, keselamatan negeri serta pendidikan.

Muka 4

Kerajaan tubuh Majlis Khas MA63

Bincang isu
berkaitan
hak Sabah,
Sarawak: PM

Oleh Roji Abdullah,
Mohd Iskandar Ibrahim
dan Ahmad Suhael Adnan
bhnews@bh.com.my

Sibu: Mesyuarat Jemaah Menteri minggu lalu bersetuju menubuhkan Majlis Khas bagi membincangkan isu berkaitan hak Sabah dan Sarawak seperti termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Majlis khas itu diketuai Perdana Menteri sendiri dengan dianggotai Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah, Menteri-Menteri Persekutuan dan ahli lain yang akan dilantik mengikut kesesuaian, kelayakan dan bidang kepakaran masing-masing. Mengumumkan demikian, beliau menegaskan kerajaan Perikatan Nasional (PN) komited memastikan hak Sabah dan Sarawak seperti yang terkandung dalam MA63 akan terus terpelihara.

"Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September lalu bersetuju menubuhkan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 yang

akan dipengerusikan oleh saya sendiri sebagai Perdana Menteri," katanya berucap pada Sambutan Hari Malaysia 2020 di Stadium Tertutup Sibu, di sini, malam tadi.

Majlis itu disempurnakan oleh Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud. Hadir sama, Toh Puan Ragad Kurdi Taib.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg serta Menteri Kabinet.

Muhyiddin berkata, antara isu yang akan dibincangkan majlis khas itu mengenai kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai Rakan Sekutu, hak negeri di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 dan Laporan Intergovernmental Committee, keselamatan negeri serta pendidikan.

Jelasnya, majlis khas itu akan dibantu oleh jawatankuasa sedia ada yang ditubuhkan pada peringkat kementerian dan agensi persekutuan berdasarkan isu berkaitan.

"Saya berharap penubuhan Majlis Khas ini akan dapat merungkai beberapa isu yang masih tertangguh berhubung hak dan kedudukan Sabah dan Sarawak selaras dengan semangat MA63 dan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

"Yang penting ialah usaha untuk membangun dan memajukan



Abdul Taib bersama Muhyiddin serta Abang Johari hadir pada Sambutan Hari Malaysia 2020 di Stadium Tertutup Sibu, malam tadi. (Foto BERNAMA)

Saya percaya apabila Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sehaluan, yang untung ialah rakyat. Insya-Allah, rundingan dengan Sabah akan kita mulakan selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

kedua-dua negeri ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi dengan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri," katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh isu yang dianggap sukar untuk diselesaikan berkaitan MA63 itu boleh diselesaikan dengan baik apabila Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sehaluan.

Justeru, beliau merakamkan penghargaan kepada kerajaan Sarawak pimpinan Abang Johari yang berunding dengan PETRONAS untuk mencapai kata sepakat mengenai urusan minyak dan gas serta cukai jualan ke atas produk petroleum di negeri berkenaan.

"Alhamdulillah, isu ini berjaya diselesaikan dengan beberapa perincian yang sedang dibincang oleh kedua-dua pihak.

"Saya percaya apabila Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri sehaluan, yang untung ialah rakyat. Insya-Allah, rundingan dengan Sabah akan kita mulakan selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah," katanya.

Muhyiddin juga berkata, pada peringkat awal pembentukan Kabinet kerajaan Perikatan Nasional yang diketuainya telah mewujudkan satu portfolio khusus mengenai Hal Ehwal Sabah dan Sarawak yang dipertanggungjawabkan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.